



Universiti
Malaysia
PAHANG
Engineering • Technology • Creativity



LAPORAN TAHUNAN 2016

Destiny By Design



  
GIVING TO UMP | UNIVERSITY KOMUNITI

   UMPMalaysia

SIDANG EDITORIAL

PENAUNG

Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Daing Ibrahim

PENGERUSI

Saiful Bahri Ahmad Bakarim

SETIAUSAHA

Safriza Haji Baharuddin

AHLI-AHLI

Haryani Abdullah, Dr. Mohd Bijarimi Mat Piah, Dr. Mohd Yuhyi Mohd Tadza, Dr. Syarifah Nur Aqida Syed Ahmad, Dr. Nina Suhaity Azmi, Dr. Fahmi Samsuri, Wan Nazrul Helmy Wan Mohd Zain, Mohd Raizalhilmy Mohd Rais, Hajah Kamariah Gono, Siti Normaziah Ihsan, Azlina Abdul Mubin, Abd. Razak Ja'afar, Saharuddin Ramli, Ahmad Fauzi Mohamed Shah, Shahrizai Haji Sarif, Nor Ashikin Sulaiman, Mohd Zaki Ahmad, Hazman Abdul, Muhammad Azli Shukri, Emma Melati Burhanuddin, Jamil Basri, Zuryaty Zol, Idayu Mat Ali, Amirul Ahmad, Mimi Rabita Abdul Wahit, Mohd Faisal Mohd Yasin, Rosidah Hassan, Yusnida Mohamed Yusof, Marhaniza Othman, Nurul Ain Ismail, Jasmira Abdul Jalil, Muhammad Hafiz Aswad Ahmad Kamal, Azlina Daharudin, Noorafizah Abdul Raffar, Wan Muslimin Wan Nawang, Hardyana Mohd Saman, Yang Mulia Raja Allen Jordan Izzuddin Shah Raja Baharudin, Ahmad Fadly Ibrahim, Norul Fadilah Abdullah, Badariah Mustafa, Amira Abdullah, Khairul Adlan Ismail, Yusmaliza Kamela Mohamed Ali, Nazirah Marzuki @ Zakaria, Hartini Mohd Hatta, Farawahida Suhaimi, Noraini Md. Zamri, Baharudin Basiron, Nurul Intan Safinaz Aminuddin dan Normazliana Ismail

PEREKA BENTUK GRAFIK

Azman Md. Diah

JURUFOTO

Khairu Aidilnishah Rizan Jalil
Muhammad Naufal Samsudin

PEMBANTU PENERBITAN

Hafizatulazlin Abdul Aziz

PENGEDARAN

Mohd Afendi Zamri

ISI KANDUNGAN

01	Sidang Editorial	21	Pengurusan Sumber Manusia
02	Isi Kandungan	32	Pengurusan Kualiti dan Produktiviti
03	Misi Korporat	47	Lonjakan 1: Keunggulan Akademik
04	Universiti Teknologi Terunggul	102	Lonjakan 2: Kelestarian Kewangan
06	Canselor	113	Lonjakan 3: Kelestarian Penyelidikan & Inovasi
08	Pengerusi Lembaga Pengarah	152	Lonjakan 4: Kemapanan Sosioekonomi dan Persekitaran
09	Naib Canselor	165	Lonjakan 5: Keunggulan Jenama
10	Ahli Lembaga Pengarah Universiti	191	Fakulti
12	Pegawai Utama Universiti	253	Pusat Kecemerlangan (CoE)
14	Ahli Senat Universiti	293	Pusat Kecemerlangan Industri (I-CoE)
16	Carta Organisasi Universiti Malaysia Pahang	325	Pembangunan Kampus
17	Perutusan Pengerusi Lembaga Pengarah	328	Laporan dan Penyata Kewangan 2016
19	Laporan Naib Canselor		

MISI KORPORAT

VISI

Universiti Teknologi Terunggul.

MISI

Kami menyediakan pendidikan, penyelidikan dan perkhidmatan yang bertaraf dunia dalam ekosistem kejuruteraan dan teknologi kreatif dan inovatif yang memaksimumkan potensi insan untuk manfaat masyarakat.

OBJEKTIF

- Melahirkan graduan yang berketerampilan melalui program kejuruteraan dan teknologi yang kompetitif.
- Menerajui inisiatif terkini dalam bidang penyelidikan yang berkaitan dengan industri.
- Menjadi peneraju dalam menyediakan perkhidmatan kepada industri dan masyarakat berdasarkan nic dan bidang kepakaran.
- Diiktiraf sebagai sebuah institusi yang mengamalkan pengurusan dan budaya kerja cemerlang.

FALSAFAH

Ilmu adalah amanah Allah kepada manusia sebagai khalifah di muka bumi untuk dimanfaatkan. Penekanan terhadap ilmu gunaan dan aplikasinya yang dimiliki oleh peribadi contoh berupaya melahirkan insan yang akan menyumbang ke arah keharmonian dan kemakmuran sejagat.

NILAI TERAS

- Hubungan yang kuat dengan Yang Maha Pencipta.
- Teguh dalam mempertahankan prinsip yang disepakati.
- Kreatif dalam membuat keputusan yang bijaksana.
- Cekal dalam menghadapi cabaran.
- Proaktif dalam tindakan.

POLISI KUALITI

POLISI

Universiti Malaysia Pahang (UMP) bertekad untuk memberikan pendidikan teknikal berasaskan kompetensi yang berkualiti tinggi agar memenuhi malah menjangkau kehendak pelanggan melalui penyediaan program akademik yang berkualiti, konsultansi, latihan, penerbitan, dan penyelidikan gunaan serta pengkomersialan. Kami berazam untuk meningkatkan bisnes kami secara berterusan melalui inovasi dan pembangunan teknologi.

SLOGAN

Memasyarakatkan Teknologi

UNIVERSITI TEKNOLOGI TERUNGGUL

Penubuhan Universiti Malaysia Pahang (UMP) pada 16 Februari 2002 adalah untuk menawarkan program akademik dalam bidang Kejuruteraan dan Teknologi. Bidang fokus UMP adalah Industri Kimia, Petrokimia dan Sumber Asli serta Industri Pembuatan dan Proses.



UMP PEKAN

Kampus tetap UMP kini telah mula beroperasi di Kuala Pahang, Pekan pada 27 Julai 2009. Ia menempatkan tiga buah fakulti iaitu Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM), Fakulti Kejuruteraan Elektrik & Elektronik (FKEE) dan Fakulti Kejuruteraan Pembuatan (FKP). Kampus seluas 642 ekar ini boleh menampung sehingga 10,000 orang pelajar dan 2,000 orang staf.



UMP KAMPUS GAMBANG

UMP juga beroperasi di kampus yang terletak di Gambang, Kuantan. Kampus yang terletak di kira-kira 30 kilometer dari pusat bandar Kuantan ini mempunyai keluasan 65,000 meter persegi yang boleh menempatkan 4,000 orang pelajar. Kampus UMP terletak di lokasi strategik berhampiran dengan Lebuhraya Pantai Timur, zon perindustrian kimia, petrokimia, pembuatan, automotif dan juga bioteknologi bagi Negeri Pahang Darul Makmur.

Tujuan utama penubuhan UMP ini ialah untuk menerajui pembangunan sumber manusia dan teknologi dalam bidang yang berkaitan dengan:

- Kejuruteraan Kimia;
- Bioteknologi Industri;
- Kejuruteraan Automotif; dan
- Kejuruteraan Pembuatan.



KONSEP DAN CIRI-CIRI UTAMA

Sebagai sebuah universiti teknikal, UMP menawarkan pengajian yang mempunyai ciri-ciri berikut:

- Berdasarkan ilmu yang praktis;
- Berteraskangunaan dan kemahiran;
- Menitikberatkan komponen yang mengintegrasikan teori dan amali;
- Melibatkan pembelajaran secara aktif;
- Menekankan penyelesaian masalah teknikal di peringkat industri; dan
- Mengamalkan budaya kerja cemerlang.

UMP ditubuhkan bagi menerajui pembangunan modal insan dalam bidang Kejuruteraan dan Teknologi. Bagi mencapai tujuan ini, empat Produk Teras telah ditetapkan iaitu Pengetahuan Teknikal, Kemahiran Teknikal, Kemahiran Insaniah dan Kemahiran Keusahawanan. Nisbah teori berbanding kemahiran praktikal yang ditawarkan di universiti ini ialah 60:40. Di universiti ini, pelaksanaan konsep praktis diperkayakan lagi dengan penerapan kaedah kilang pengajaran. Ini bermakna, di samping latihan industri, para pelajar didedahkan juga cara penggunaan alat simulasi dan alat bantu mengajar. Konsep praktis ini diperkukuhkan lagi dengan kaedah pengajaran berpusatkan pelajar.

Dalam bidang penyelidikan pula, universiti memberi tumpuan kepada penyelidikan gunaan dan projek-projek industri dengan industri setempat bagi memperkayakan pengajaran dan pembelajaran (P&P) di samping mempromosikan aktiviti-aktiviti pengkomersialan dan produk penyelidikan. UMP juga mewujudkan pusat-pusat kecemerlangan bagi memantapkan kajian dalam bidang berkaitan. Sehingga kini, universiti telah meraih beberapa kemenangan dalam pameran penyelidikan yang diadakan di dalam negara dan di peringkat antarabangsa. UMP komited dalam membangunkan sumber kapital manusia dan teknologi untuk memenuhi keperluan industri serta menyumbang kepada pembangunan negara.

Sehingga kini, UMP menawarkan sebanyak 35 program doktor falsafah dan 38 program sarjana, 25 program ijazah sarjana muda, dan lima program diploma. Program-program tersebut ditawarkan oleh sembilan fakulti berikut:

- Fakulti Kejuruteraan Elektrik & Elektronik (FKEE);
- Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli (FKKSA);
- Fakulti Sistem Komputer & Kejuruteraan Perisian (FSKPP);
- Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM);
- Fakulti Kejuruteraan Awam & Sumber Alam (FKASA);
- Fakulti Kejuruteraan Pembuatan (FKP);
- Fakulti Teknologi Kejuruteraan (FTeK);
- Fakulti Sains & Teknologi Industri (FSTI); dan
- Fakulti Pengurusan Industri (FPI)

Di samping sembilan fakulti tersebut, UMP juga mempunyai Pusat Bahasa Moden & Sains Kemanusiaan (PBMSK), Institut Pengajian Siswazah (IPS) dan UMP Advanced.

Selain itu, UMP juga mempunyai enam buah pusat kecemerlangan iaitu Pusat Kecemerlangan Automotif (AEC), Pusat Penyelidikan & Pengurusan Sumber Alam (CERRM) dan Pusat Kecemerlangan Penyelidikan Aliran Bendalir Termaju (CARIFF), Pusat Kecemerlangan IBM, Pusat Kajian Nadir Bumi (RERC) dan Pusat Penyelidikan Bio Aromatik.

Malah, kewujudan UMP juga turut menyumbang kepada pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER) apabila diumumkan sebagai salah satu Pusat Kecemerlangan ECER KPT dengan penubuhan Pusat Penyelidikan Produk Biodegrasi & Biobahan Bakar dalam pembangunan kluster minyak, gas dan petrokimia.

UMP juga diumumkan sebagai peneraju Pusat Kecemerlangan Industri (ICoE) acuan tekap (*die and mold*) hasil kerjasama dengan Miyazu Malaysia Sdn. Bhd. (Miyazu) dan Sistem Suspensi melibatkan Sapura Industrial Berhad (Sapura). Malah, melalui komitmen dan kerjasama pintar dengan IBM dan HeiTech Padu Berhad, UMP telah diberi pengiktirafan sebagai Pusat Kecemerlangan IBM, kampus akademik yang pertama di Malaysia oleh IBM.

CANSELOR

KEBAWAH DULI YANG TERAMAT MULIA TENGKU MAHKOTA PAHANG

Tengku Abdullah Al-Haj Ibni Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah
DK., SSAP, SIMP, DK (Terengganu), DK (Johor), SPMJ., PAT.





**PENGERUSI
LEMBAGA PENGARAH UNIVERSITI**

YANG HORMAT DATO' MOHD HILMEY BIN MOHD TAIB



NAIB CANSELOR

YANG HORMAT PROFESOR DATO' DR. DAING NASIR BIN IBRAHIM

AHLI-AHLI LEMBAGA PENGARAH UNIVERSITI



PENGERUSI

- 1** **YH. DATO' SRI MOHD HILMEY BIN MOHD TAIB**
Pengerusi

AHLI-AHLI

- | | | |
|---|--|--|
| 2 YH. PROFESOR DATO' DR. DAING MOHD NASIR BIN DAING IBRAHIM
<i>Naib Canselor</i> | 5 YBrs. TUAN HAJI AHMAD ZAKIE BIN HAJI AHMAD SHARIFF
<i>Wakil Swasta</i> | 8 YBrs. ENCIK MUHAMMAD BADRI BIN HUSSIN
<i>Wakil Alumni</i> |
| 3 YBhg. PUAN SRI DATUK ROHANI BINTI ABDULLAH
<i>Wakil Berpengalaman dan Berpengetahuan</i> | 6 YBhg. DATO' IR. JAMALUDIN BIN OSMAN
<i>Wakil Swasta</i> | 9 YBrs. DR. AISHAH BINTI ABU BAKAR
<i>Wakil Kementerian Pendidikan Tinggi</i> |
| 4 YH. DATO' HAJI AHMAD AZMEY BIN HAJI ABU TALIB
<i>Wakil Masyarakat</i> | 7 YBrs. ENCIK MOHD ZAHRAIN BIN MOHD NOR
<i>Wakil Kementerian Kewangan</i> | 10 YBhg. DATUK AISHAH BINTI SHAIKH AHMAD
<i>Wakil Swasta</i> |
| | | 11 YBhg. PROFESOR DATO' DR. ISHAK BIN ISMAIL
<i>Wakil Senat</i> |



AHLI EX-OFFICIO

**YH. PROFESOR DATO' DR. ROSLI
BIN MOHD YUNUS**

Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)

**YBhg. PROFESOR DR. MASHITAH
BINTI MOHD YUSOFF**

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)

**YH. PROFESOR DATO' DR. YUSERRIE
BIN ZAINUDDIN**

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)

YBrs. ENCIK ABD HAMID BIN MAJID

Pendaftar/ Setiausaha

**YBrs. ENCIK ZAINUDIN BIN
OTHMAN**

Bendahari

**YBrs. DATIN WAN MAIZURINA BINTI
WAN OTHMAN**

Penasihat Undang-undang

PEGAWAI UTAMA UNIVERSITI



- 1** Naib Canselor
YH. Profesor Dato' Dr. Daing Nasir bin Ibrahim
- 2** Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
YH. Profesor Dato' Dr. Rosli bin Mohd Yunus
- 3** Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)
YBhg. Profesor Dr. Mashitah binti Mohd. Yusoff

- 4** Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)
YH. Profesor Dato' Dr. Yuserrie bin Zainuddin
- 5** Penolong Naib Canselor (Jabatan Hal Ehwal Korporat & Kualiti)
YBhg. Profesor Dato' Dr. Ishak bin Ismail



1

3

5

7

9

6 Penolong Naib Canselor (Jabatan Jaringan Industri & Masyarakat)
YBhg. Profesor Dr. Jamil bin Ismail

7 Pendaftar
YBrs. Encik Abd Hamid bin Majid

8 Bendahari
YBrs. Zainudin bin Othman

9 Ketua Pustakawan
YBrs. Tuan Haji Ruslan bin Che Pee

10 Penasihat Undang-undang
YBhg. Datin Hajah Wan Maizurina binti Wan Othman

AHLI SENAT UNIVERSITI

PENGERUSI

Naib Canselor

YH. PROFESOR DATO' DR. DAING MOHD NASIR BIN DAING IBRAHIM
Ph.D (Dundee), MBA (Arkansas), BBA (W. Michigan), Dip (ITM), CA (Malaysia), FCPA (Australia)

AHLI-AHLI

TIMBALAN NAIB CANCELOR

Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)

YH. PROFESOR DATO' DR. ROSLI BIN MOHD YUNUS
Ph.D (Wales), M.Sc. (Wales), B.Sc. (North Carolina State), Dip. (ITM)

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)

YBhg. PROFESOR DR. MASHITAH BINTI MOHD. YUSOFF
Ph.D (Wichita State), M.A. (W. Michigan), B.S. (Wichita State)

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)

YH. PROFESOR DATO' DR. YUSERRIE BIN ZAINUDDIN
Ph.D (UKM), M. Com (Hons) (Wolonggong), B.Soc.Sc (Hons) (USM)

DEKAN DAN PENGARAH

Dekan, Fakulti Kejuruteraan Awam & Sumber Alam

YBRS. DR. MOHAMAD IDRIS BIN ALI
Ph.D (UTM), M.Sc. (UTM), B.Sc. (UTM)

Dekan, Fakulti Kejuruteraan Elektrik & Elektronik

YBHG. PROFESOR DR. KAMARUL HAWARI BIN GHAZALI
Ph.D (UKM), M.Eng. (UTM), B.Eng (UTM)

Dekan, Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli

YBHG. PROFESOR ZULKAFI BIN HASSAN
M.Sc. (Strathclyde), B.Sc. (Missouri-Rolla)

Dekan, Fakulti Kejuruteraan Mekanikal

YBHG. PROFESOR DR. RIZALMAN BIN MAMAT
Ph.D (Birmingham), M.Eng.(UTM), B.Eng.(UTM)

Dekan, Fakulti Kejuruteraan Pembuatan

YBHG. PROFESOR DR. WAN AZHAR BIN WAN YUSOFF
Ph.D (USM), M.Sc. (RPI), B.Sc. (Michigan-Ann Arbor)

Dekan, Fakulti Sistem Komputer & Kejuruteraan Perisian

YBHG. PROFESOR DR. KAMAL ZUHAIRI BIN ZAMLI
Ph.D (Newcastle Upon Tyne,UK), M.Sc. (UTM), B.Sc. (Worcester Polytechnic Institute, USA)

Dean, Fakulti Sains & Teknologi Industri

YBHG. PROFESOR MADYA DR. MOHD HASBI BIN AB RAHIM
Ph.D (University of Wales, Cardiff), M.Sc. (UPM) B.Sc. (UPM)

Dekan, Fakulti Teknologi Kejuruteraan

YBHG. PROFESOR DATO' DR. ZULARISAM BIN AB WAHID
Ph.D (UTM), M.Eng (UTM), B.Sc. (UTM)

Dekan, Fakulti Pengurusan Industri

YBRS. DR. MOHD RIDZUAN BIN DARUN
Ph.D (Lincoln), MBA (UUM), B.Sc. (Southern Illinois)

Dekan, Institut Pengajian Siswazah

YBHG. PROFESOR DATO' DR. HASNAH BINTI HARON
Ph.D (Hull), MBA (Governors State University), B.Sc. (Northern Illinois), Dip (UiTM)

Dekan, Pusat Bahasa Moden & Sains Kemanusiaan

YBHG. PROFESOR MADYA DR. MUHAMMAD NUBLI BIN ABDUL WAHAB
Ph.D (UPM), M.Sc. (UPM), B.Syariah (UM)

Dekan Penyelidikan (Kejuruteraan), Jabatan Penyelidikan & Inovasi

YBHG. PROFESOR DR. MD. MUSTAFIZUR RAHMAN
Ph.D (UKM), M.Sc. Engineering (BUET, Bangladesh), B.Sc. Engineering (BUET, Bangladesh)

Dekan Penyelidikan (Teknologi), Jabatan Penyelidikan & Inovasi

YBHG. PROFESOR DR. JOSE RAJAN
Ph.D (CSIR,India), M.Sc. (Andha,India), B.Sc. (Kerala,India)

Pengarah Pusat Kejuruteraan Automotif (AEC)

YBHG. PROFESOR MADYA DR. ABDUL ADAM BIN ABDULLAH
Ph.D (Tokushima), M.Eng (Tokushima), B.Eng (Akita)

Pengarah Pusat Penyelidikan & Pengurusan Sumber Alam (CERRM)

YBRS. DR. MUZAMIR BIN HASAN
Ph.D (UTM), M.Sc. (UTM), B.Sc. (UTM)

Pengarah Pusat Kecemerlangan IBM

YBRS. DR. MOHAMED ARIFF BIN AMEEDEN
Ph.D (Birmingham), Bach. (UMP)

Pengarah Pusat Kecemerlangan Penyelidikan Aliran Bendalir Termaju (CARRIF)

YBHG. PROFESOR DR. HAYDER A. ABDUL BARI
Ph.D (Baghdad), M.Sc. (Baghdad), B.Sc. (Baghdad)

Pengarah Pusat Kecemerlangan Penyelidikan Bio Aromatik

YBHG. PROFESOR MADYA DR. SAIFUL NIZAM BIN TAJUDDIN
Ph.D (UMP), M.Sc. (USM), B.Appl.Sc. (Hons) (USM)

PROFESOR

Profesor, Fakulti Kejuruteraan Pembuatan

YBHG. PROFESOR DR. ZAHARI BIN TAHA
Ph.D (Wales), B.Sc. (Bath), Dip. (UIAM), MIED, CEng, FASc

Profesor, Fakulti Pengurusan Industri

YBHG. PROFESOR DATO' DR. ISHAK BIN ISMAIL
Ph.D (Hull), MBA (Governors State University), B.Sc. (Northern Illinois)

Profesor, Fakulti Kejuruteraan Mekanikal

YBHG. PROFESOR DR. NIK ABDULLAH BIN NIK MOHAMED
Ph.D (Berlin), M.Sc. (Berlin), B.Sc. (Munich)

Profesor, Fakulti Teknologi Kejuruteraan

YBHG. PROFESOR DR. ABDULLAH BIN IBRAHIM
Ph.D (Cardiff), M.Sc. (Wisconsin), B.Sc. (Wisconsin), Dip. Votec (Toronto), Dip. Res (Cardiff)

Profesor, Fakulti Kejuruteraan Mekanikal

YBHG. PROFESOR DATO' DR. ROSLI BIN ABU BAKAR
Ph.D (Hanyang, Korea), M.Sc. (Hanyang, Korea), B.Eng. (Hanyang, Korea)

AHLI KO-OPT

Ketua Pegawai Eksekutif, UMP Advanced Education (UAE)

YBRS. ENCIK MOHAMAD ROZI BIN HASSAN
M.Sc. (UTM), B.Sc. (UKM)

Pengarah, Pejabat Antarabangsa

YBHG. PROFESOR MADYA DR. AINOL HARYATI BINTI IBRAHIM
Ph.D (UIA), M.Sc. (Aston, UK), B.Sc. (George Washington, USA)

AHLI EX-OFFICIO

Bendahari

YBRS. ENCIK ZAINUDIN BIN OTHMAN
C.A. (M), B.Acc. (Hons), (UKM)

Ketua Pustakawan

YBRS. TUAN HAJI RUSLAN BIN CHE PEE
M.Sc. (USM), Post Graduate Dip. (UiTM), B.Sc. (Hons) (UKM)

Penasihat Undang-Undang

YBHG. DATIN HAJAH WAN MAIZURINA BINTI WAN OTHMAN
MIP (UKM), B.LL.B (Hons) (UM)

SETIAUSAHA

Pendaftar

YBRS. ENCIK ABD HAMID BIN MAJID
B.Comm. (Hons), (USM)

PERUTUSAN PENGERUSI LEMBAGA PENGARAH



Tahun 2016 menyaksikan UMP bermula dengan transformasi dalam membentuk hala tuju baharu sebuah universiti yang penuh bermakna dengan pembentukan Pelan Strategik 2016-2020. *Champion* telah dilantik untuk menjuarai lima lonjakan yang mendasari petunjuk prestasi utama (KPI) dan Inisiatif-inisiatif yang telah dikenal pasti. Demikian juga sasaran telah ditetapkan berdasarkan visi dan misi UMP.

Telah banyak yang dicapai pada tahun-tahun sebelumnya dan masih banyak yang perlu diraih dan diusahakan pada tahun-tahun akan datang. Atas kesedaran itu, UMP tanpa menoleh ke belakang terus menyebarkan luas komitmennya untuk membangunkan masyarakat berilmu, memperkasakan komuniti berkepakaran serta merintis pelbagai usahasama dalam segenap bidang berkaitan sama ada dengan rakan industri, institusi dalam dan luar negara malah badan-badan profesional untuk sama-sama membangunkan kelestarian warga berilmu, produktif dan kompeten.

Dalam mendepani pergolakan ekonomi semasa yang turut memberi kesan langsung kepada peruntukan yang diperolehi oleh institusi pengajian tinggi, maka UMP turut sama merasai kekurangan akibat defisit dalam peruntukan dan agihan kewangan. Justeru, langkah proaktif dan progresif telah dilaksanakan oleh UMP melalui inisiatif *MyGift*. Inisiatif ini

bukan sahaja memberi manfaat kepada pelajar dan warga UMP malah melangkaui masyarakat sekitar dan golongan yang memerlukan. Lebih signifikan lagi, usaha murni ini mendana dan memberi kepada beberapa golongan sasaran demi kelestarian dan penambahbaikan serta meningkatkan taraf ekonomi penerima. Sehingga penghujung tahun 2016, melalui program *MyGift* UMP telah berjaya menerima sebanyak RM9,526,402.14 hasil sumbangan daripada pelbagai pihak. Seiring dengan kepesatan jaringan kerjasama dalam dan luar negara, UMP terus mengorak haluannya dengan menjalin hubungan kerjasama dengan institusi terkemuka di dunia misalnya Polytechnic College of Heibe University of Science & Technology, Iwate university dan Selahuddin Eyyubi University (SEU).

Bertepatan dengan *tagline* UMP, Memasyarakatkan Teknologi perkongsian akademik dan praktikal yang dianjurkan UMP bagi manfaat warga pendidik yang terdiri daripada guru-guru dan pengamal industri seringkali dilaksanakan demi meluaskan manfaat kewujudan UMP. Malah UMP turun padang mendekati masyarakat dan komuniti sekitar dengan menghulurkan pelbagai bantuan kepakaran, fasiliti dan pelbagai bentuk sokongan diberikan kepada warga komuniti sekitar yang berpotensi untuk diketengahkan, misalnya melalui pelbagai projek usaha sama dengan pihak ECERDC demi meningkatkan

LAPORAN TAHUNAN 2016

Destiny by Design

taraf ekonomi masyarakat setempat. Dalam pada itu, hubungan baik dengan Kerajaan Negeri Pahang juga dibajai dengan tertubuhnya Taman Bioaromatik di Luit Pahang dan pembangunan Kompleks hasil niaga dan ikan bakar dengan kerjasama ECERDC.

Tahun 2016, UMP turut mencipta kegemilangannya apabila telah berjaya memperoleh geran FRGS sebanyak RM5,024,536.00 iaitu peningkatan hampir 50 peratus berbanding tahun sebelumnya. Peningkatan dalam perolehan geran dalam dan luar negara turut meningkat. UMP terus berada dalam kluster kegemilangan apabila menerima pelbagai kemenangan dalam bidang penyelidikan sama ada di peringkat nasional dan antarabangsa. Seterusnya bagi memaknakan penilaian prestasi yang lebih telus untuk tenaga kerjanya, UMP mulai 2016 telah memperkenalkan sistem ganjaran berasaskan prestasi. Dasar sama rata yang terpakai sebelum ini tidak lagi relevan dengan beban tugas semasa yang semakin mencabar. Melalui sistem ini staf akan lebih proaktif serta kompeten dan menepati persekitaran masyarakat berilmu dan berdaya saing.

Dalam usaha mewujudkan kampus yang lestari dan pada masa yang sama memberi keselesaan kepada warganya, UMP melalui pelbagai inisiatif penghijauan kampus telah melakarkan peningkatan yang memberangsangkan apabila menunjukkan peningkatan dalam *ranking UI Green Metrics*. Pada 2015, UMP berada di kedudukan 198 dunia dan 2016 UMP mencapai kedudukan 58 dunia dan berada di tangga ke-4 di Malaysia.

Langkah demi langkah menerajui kecemerlangan, UMP tidak mengetepikan aspek kesejagatan dengan turut memberikan biasiswa OIC kepada penerima yang layak daripada negara Islam yang bergolak. Senada dengan itu, pelbagai gerak kerja program komuniti di luar negara juga berjalan dengan jayanya di Aceh Indonesia, Kemboja, Vietnam dan lain-lain. Begitu juga masyarakat yang perlukan perhatian di Malaysia turut diberi keutamaan dalam usaha menyalurkan bantuan misalnya golongan ibu tunggal, asnaf, anak-anak yatim, golongan kurang berkemampuan serta gelandangan. Secara tuntasnya, saya bersyukur dan berbangga di atas pencapaian UMP sepanjang tahun 2016. Saya juga yakin dengan kepimpinan Naib Canselor, disokong oleh Pengurusan Tertingginya, warga UMP akan terus berganding bahu bekerjasama menggalas tanggungjawab meneruskan kesinambungan bagi menggerakkan inisiatif strategik yang telah disepakati bersama.

Saya mewakili semua ahli Lembaga Pengarah mengambil kesempatan menjunjung kasih dan menyampaikan setinggi-tinggi penghargaan kepada Tuanku Canselor Kebawah Duli Yang Teramat Mulia Tengku Mahkota Pahang Tengku Abdullah Al-Haj Ibni Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah DK., SSAP, SIMP., DK (Terengganu), DK (Johor), SPMJ., PAT. yang sentiasa memberikan sokongan dan galakan dalam usaha menyuburkan

budaya keserjanaan di institusi ini. Ucapan penghargaan juga ditujukan kepada semua warga UMP, pihak Kementerian Pendidikan Tinggi dan pihak Kerajaan atas komitmen dan kepercayaan yang diberikan kepada UMP sehingga meletakkan UMP sebagai salah sebuah Universiti Awam (UA) yang dikenali dan disegani.

Bagi mengakhiri bicara, saya ingin mengajak warga UMP untuk kita terus konsisten dalam merealisasikan Pelan Pendidikan Tinggi Negara serta menyumbang sepenuhnya dalam agenda Pelan Strategik UMP 2016-2020. Saya percaya dengan sepenuhnya bahawa sinergi yang baik dan bersepadu daripada semua pihak dalam usaha merealisasikan prakarsa mulia ini akan meningkatkan martabat keilmuan kepada semua pihak yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung dengan UMP serta masyarakat luar amnya.

Salam hormat.

Dato' Sri Mohd Hilmei Bin Mohd Taib

Pengerusi Lembaga Pengarah
Universiti Malaysia Pahang

LAPORAN NAIB CANSOLOR



Kehadiran tahun 2016 menuntut komitmen berterusan warga Universiti Malaysia Pahang (UMP) untuk meningkatkan prestasi dan produktiviti ke arah kecemerlangan perkhidmatan dan sistem penyampaian dalam mendepani cabaran fasa baharu perkembangan universiti ini yang didasari pelaksanaan Pelan Strategik UMP 2016-2020. Sasaran

kecemerlangan prestasi dan produktiviti tersebut memerlukan kombinasi komitmen dan kesedaran dalam kalangan warga UMP dengan berasaskan kesejajaran matlamat konteks aspirasi strategik untuk menjadikan UMP sebuah universiti gemilang menjelang tahun 2020.

Fasa-fasa strategik yang melatari perkembangan dan pertumbuhan UMP sejak tahun 2002 sehingga kini merupakan rangkaian reka bentuk agung bagi menentukan bahawa koordinat universiti ini sememangnya dipetakan ke arah kegemilangan sepanjang 14 tahun kewujudannya sebagai sebuah Universiti Awam (UA). Ini bermula dengan fasa 'Meletakkan Asas Universiti Teknikal' antara tahun 2002 hingga 2007; seterusnya 'Memperkuh Asas, Menjana Kecemerlangan' antara tahun 2008 hingga 2010 dan 'Universiti Teknologi Pilihan Utama' antara tahun 2011 hingga 2015. Beralih ke fasa 'Menjana Kegemilangan' bermula tahun 2016 ini hingga 2020, UMP tercabar untuk memaknakan kewujudannya secara signifikan dengan kegemilangan hasil yang membolehkan universiti ini dapat berdiri sebagai sebuah institusi pendidikan tinggi berorientasikan teknologi yang bertaraf dunia.

Sejak bulan September 2015, warga universiti ini yang mewakili pelbagai lapisan telah tampil untuk terlibat dalam merangka Pelan Strategik UMP 2016-2020. Melalui proses libat sama tersebut, mereka telah memerah minda, bertukar buah fikiran, melontar pandangan, mencabar kelaziman, menziarahi andaian, mempersoalkan amalan semasa dan tidak kurang juga memaparkan keberanian untuk berbeza dari kebiasaan dan berbeza pendapat sesama sendiri. Sesi libat sama tersebut dimulakan dengan konsultasi bersama Dekan-dekan bagi mendapatkan pandangan mereka berhubung maksud dan gambaran kegemilangan yang dihasratkan dari perspektif

Fakulti masing-masing yang seterusnya menyumbang kepada reka bentuk kegemilangan UMP secara keseluruhannya. Ini disusuli pula dengan beberapa lagi sesi pemurnian rangka pelan strategik tersebut yang akhirnya dirumuskan dalam sesi *town hall* pada 2 Februari 2016.

Semestinya, menjadi sebuah universiti terunggul adalah satu wawasan jauh yang melampaui aspirasi untuk menempatkan UMP sebagai sebuah universiti bertaraf dunia. Dalam konteks tersebut, perhatian yang serius diberikan terhadap pengembangan potensi dan kelebihan yang dimiliki UMP sebagai sebuah universiti berfokus dan dengan sifat semasa kewujudannya, maka wawasan yang disepakati ialah menjadikan UMP sebuah universiti teknologi terunggul.

Bagi mengisi cabaran strategik tersebut, maka pernyataan misi UMP yang telah dipersetujui adalah seperti berikut:

"Kami menyediakan pendidikan, penyelidikan dan perkhidmatan bertaraf dunia dalam ekosistem kejuruteraan dan teknologi kreatif dan inovatif yang memaksimumkan potensi insan untuk manfaat masyarakat".

Kemenjadian UMP sebagai universiti teknologi bertaraf dunia yang unggul hanya dapat diiktiraf melalui pencapaian tertentu. Keunggulan yang dihasratkan perlu diterjemahkan dalam bentuk kejayaan yang dapat diukur secara realistik. Maka Pelan Strategik UMP 2016-2020 telah meletakkan lima objektif sebagai sasaran yang perlu dicapai iaitu:

Pertama, menzahirkan graduan holistik yang relevan dengan keperluan masyarakat yang membudayakan teknologi dan keusahawanan melalui ekosistem universiti yang dinamik;

Kedua, membina kewangan yang mampan demi kelestarian universiti;

Ketiga, menghasilkan penyelidikan dan inovasi yang berteraskan teknologi demi memastikan kelestarian bakat dan bidang fokus penyelidikan;

Keempat, menjadi wadah kemampanan pembangunan sosioekonomi, persekitaran dan masyarakat; dan

Kelima, membina jenama yang menjadi pilihan masyarakat.

Demi menentukan bahawa gerak kerja pelaksanaan Pelan Strategik UMP 2016-2020 menjadi lebih tersusun, bidang-bidang dan skop kerjanya juga telah dikenal pasti. Pendekatan pelaksanaan setiap aktiviti dalam bidang tugas tersebut direncana untuk bersifat transformasional dengan inovasi nilai. Rangkuman bidang tugas bagi setiap fokus kerja berkenaan dirujuk sebagai Lonjakan Strategik seperti berikut:

LAPORAN TAHUNAN 2016

Destiny by Design

Pertama, Keunggulan Akademik. Merujuk kepada kurikulum yang inovatif, staf yang kompeten dan profesional, infrastruktur akademik yang efisien berorientasikan keperluan masyarakat;

Kedua, Kelestarian Kewangan. Merujuk kepada penjaan pendapatan, peningkatan pelaburan dan usaha mengoptimalkan perbelanjaan serta pengwujudan persekitaran kondusif yang dapat menyokong kelestarian universiti;

Ketiga, Keunggulan Penyelidikan dan Inovasi. Merujuk kepada kemampuan penyelidikan yang memberi impak kepada masyarakat melalui kluster penyelidikan yang berstruktur;

Keempat, Kemampuan Sosioekonomi dan Persekitaran. Merujuk kepada pengupayaan UMP sebagai wadah yang memberi impak terhadap pembangunan sosio-ekonomi, persekitaran dan masyarakat; dan

Kelima, Keunggulan Jenama. Menjadikan UMP sebuah universiti yang memartabatkan bakat, kemahiran dan keserjanaan berteraskan nilai-nilai murni.

Sebagai sebuah UA, UMP perlu menghayati realiti dan aspirasi nasional dan pada masa yang sama, turut inovatif dan kreatif bergerak kerja dalam iklim global, skop dan sempadan autonomi dimilikinya. Justeru, dasar-dasar utama di peringkat nasional yang meliputi Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi), Rancangan Malaysia Ke-11 dan Bajet 2016 turut terhitung dalam formulasi strategi, tindakan dan inisiatif di peringkat UMP bermula tahun 2016 ini.

Kesejajaran aspirasi pada gerak usaha tersebut turut menyaksikan penyesuaian agenda UMP dengan 10 lonjakan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi). Maka dalam kerangka reka bentuk agung garis masa Pelan Strategik UMP dan kegemilangan masa hadapan yang dicita-citakan, pendekatan yang bersifat sinergi merupakan pilihan yang terbaik. Justeru, Pelan Strategik UMP 2016-2020 telah membangunkan beberapa Petunjuk Prestasi Utama (KPI) yang menggabungkan keperluan prestasi lonjakan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi) dan pencapaian objektif strategik UMP.

Maka kini, terdapat tiga persoalan strategik yang perlu diselesaikan iaitu pertama, bagaimanakah kegemilangan UMP mampu dijana?; kedua, apakah sandaran mapan yang dapat dipegang secara pasti untuk mencapai kegemilangan?; dan ketiga, apakah ciri-ciri faktor yang membawa UMP ke arah kegemilangan? Beberapa ciri yang harus digunakan sebagai rujukan dalam usaha menjana kegemilangan ialah:

Pertama, inisiatif bernilai tinggi yang membawa kesan yang besar kepada pemegang taruh iaitu masyarakat;

Kedua, unik, istimewa atau luar biasa (tidak mudah didapati) sama ada dari aspek produk atau projek itu sendiri mahu pun model operasi yang ditampilkan;

Ketiga, tidak mudah ditiru di mana sebarang cubaan meniru apa yang kita miliki atau lakukan hanya mengeluarkan hasil imitasi yang kurang sempurna; dan

Keempat, tiada gantian di mana nilai tambah yang kita tawarkan tidak dapat diganti dengan produk atau perkhidmatan lain.

Sehubungan itu, tiga projek khusus (*flagship*) berikut akan dimulakan dalam kerangka Pelan Strategik UMP 2016 - 2020 iaitu:

Pertama, Pendidikan Teknologi ala Jerman. Untuk itu, setiap fakulti harus mempunyai sekurang-kurangnya satu program bercorak Jerman, ala Jerman atau kerjasama dengan institusi di negara Jerman;

Kedua, Inovasi Sosial. Ini adalah satu gerakan usaha kerja amal kemasyarakatan dan pemindahan pengetahuan atau ilmu ke peringkat yang seterusnya. Sifatnya harus berempak tinggi dan skop penerima manfaat yang luas. Projek Universiti Komuniti adalah gerakan besar-besaran UMP untuk memasyarakatkan universiti melalui pengetahuan dan teknologi; dan

Ketiga, Kaedah Pengurusan Enterprise. Pengurusan prestasi (produktiviti, keberkesanan, kecekapan), pelan himpunan bakat penggantian, pengurusan risiko, ganjaran berasaskan prestasi dan sebagainya.

Metodologi tertentu yang digunakan dalam proses reka bentuk Pelan Strategik UMP 2016-2020 bertujuan untuk memastikan warga universiti ini memberi perhatian kepada perkara yang sepatutnya berada dalam senarai keutamaan. Proses libat sama warga universiti ini dalam proses reka bentuk menjadikan Pelan Strategik UMP 2016-2020 sebagai rujukan kolektif yang memandu gerak kerja organisasi secara holistik untuk tempoh lima tahun ke hadapan. Hasil permuafakatan dan usaha kolektif inilah yang akan menentukan kejayaan universiti ini mencipta kegemilangan setelah keupayaan warganya dicabar dengan optimum melalui sasaran-sasaran strategik yang telah dimuktamadkan.

Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim
Naib Canselor
Universiti Malaysia Pahang


PENGURUSAN SUMBER MANUSIA



PENGURUSAN SUMBER MANUSIA

PERJAWATAN

Universiti Malaysia Pahang (UMP) telah meluluskan sebanyak 1,682 jawatan sehingga 31 Disember 2016 merangkumi tujuh jawatan bagi pengurusan tertinggi, 822 jawatan bagi kumpulan akademik, 268 jawatan bagi kumpulan pengurusan dan profesional, dan 585 jawatan bagi kumpulan pelaksana.



PENGISIAN PERJAWATAN SECARA TETAP DAN KONTRAK MENGIKUT KUMPULAN PERKHIDMATAN PADA TAHUN 2016

Pada tempoh berakhir 31 Disember 2016, pengisian berjawatan berjumlah 1,682 merangkumi perjawatan secara kontrak dan tetap. Berdasarkan data berkenaan, sebanyak 1,577 jawatan atau 93.76 peratus perjawatan telah diisi secara tetap.

KUMPULAN	PERJAWATAN			PERATUS TETAP (%)
	TETAP	ISI	KEKOSONGAN	
Pengurusan Tertinggi	7	7	0	100
Akademik	822	756	61	91.97
Pengurusan & Profesional	268	246	22	91.79
Pelaksana	585	568	17	97.09
JUMLAH KESELURUHAN	1682	1577	100	93.76 %

KUMPULAN	TETAP	KONTRAK	SEMENTARA	PINJAMAN
Professor/Jusa	14	13	0	0
Akademik	668	113	9	0
Pengurusan & Profesional	177	25	0	1
Pelaksana	638	165	0	0
JUMLAH KESELURUHAN	1497	316	9	1

PENSYARAH BERKELULUSAN DOKTOR FALSAFAH (PhD)


Bilangan pensyarah yang berkelulusan Doktor Falsafah (PhD) mencatatkan peningkatan setiap bulan pada tahun 2016. Peningkatan sebanyak 9.38% peratus iaitu pertambahan seramai 35 orang pensyarah yang mempunyai kelulusan PhD berbanding tahun 2015.

FAKULTI	BILANGAN STAF
Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli (FKKSA)	74
Fakulti Kejuruteraan Awam & Sumber Alam (FKASA)	30
Fakulti Kejuruteraan Elektrik & Elektronik (FKEE)	40
Fakulti Sistem Komputer & Kejuruteraan Perisian (FSKKP)	43
Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM)	57
Fakulti Sains & Teknologi Industri (FSTI)	57
Fakulti Kejuruteraan Pembuatan (FKP)	32
Fakulti Teknologi Kejuruteraan (FTeK)	29
Fakulti Pengurusan Industri (FPI)	16
Pusat Bahasa Moden & Sains Kemanusiaan (PBMSK)	30
JUMLAH KESELURUHAN	408

STATISTIK STAF BUKAN WARGANEGARA DI UMP MENGIKUT NEGARA ASAL

Pelantikan staf dalam kalangan bukan warganegara turut dilaksanakan bagi menampung keperluan perjawatan di UMP. Bilangan staf bukan warganegara di UMP sehingga 31 Disember 2016 ialah seramai 101 orang yang terdiri daripada 98 orang kumpulan akademik dan tiga orang dari kumpulan Pengurusan & Profesional.

Bilangan Staf Antarabangsa dari 2007 hingga 2016





Bilangan Staf Antarabangsa mengikut Fakulti



STAF CUTI BELAJAR DAN PENAJAAN *FELLOWSHIP*

Bagi peningkatan kerjaya staf akademik sehingga 31 Disember 2016, UMP telah menghantar seramai 81 orang staf untuk melanjutkan pengajian di peringkat Doktor Falsafah (PhD). Bagi penajaan Skim *Fellowship* pula, sehingga 31 Disember 2016, seramai 72 *Fellowship* telah menerima tajaan bagi melanjutkan pelajaran pada peringkat Sarjana dan PhD.

Statistik Cuti Belajar & Skim Fellowship Dalam Pengajian Mengikut Negara Tempat Pengajian Sehingga 31 Disember 2016



LAPORAN TAHUNAN 2016


Destiny by Design

Jadual di bawah memperincikan statistik cuti belajar dan skim *fellowship* dalam pengajian mengikut fakulti sehingga 31 Disember 2016.

FAKULTI	STAF		FELO		JUMLAH
	DOKTOR FALSAFAH	SARJANA	DOKTOR FALSAFAH	SARJANA	
Fakulti Kejuruteraan Elektrik & Elektronik (FKEE)	2	0	12	0	14
Fakulti Kejuruteraan Awam & Sumber Alam (FKASA)	6	0	4	0	10
Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli (FKKSA)	10	0	8	0	18
Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM)	17	0	5	0	22
Fakulti Sains & Teknologi Industri (FSTI)	14	0	2	0	16
Fakulti Sistem Komputer & Kejuruteraan Perisian (FSKKP)	8	0	14	0	22
Fakulti Kejuruteraan Pembuatan (FKP)	8	0	10	1	19
Fakulti Teknologi Kejuruteraan (FTEK)	4	0	12	1	17
Fakulti Pengurusan Industri (FPI)	5	0	2	1	8
Pusat Bahasa Moden & Sains Kemanusiaan (PBMSK)	7	0	0	0	7
JUMLAH KESELURUHAN	81	0	69	3	153


Seramai 153 orang staf dan *fellowship* UMP sedang mengikuti pengajian di peringkat Doktor Falsafah (PhD) dan Sarjana sehingga 31 Disember 2016, seperti rajah di bawah.

Statistik Cuti Belajar dan Skim *Fellowship* Dalam Pengajian Mengikut Fakulti Sehingga 31 Disember 2016




Seramai 30 staf atau *fellowship* sedang dalam pengajian di peringkat Doktor Falsafah (PhD) di World *Universiti Ranking - Times Higher Education* (THE) 2015/2016 sehingga 31 Disember 2016, seperti rajah di bawah.

Statistik Staf atau *Fellowship* Sedang dalam Pengajian di Peringkat Doktor Falsafah (PhD) di World *Universiti Ranking - Times Higher Education* (THE) 2015/2016 sehingga 31 Disember 2016



Seramai 106 staf atau 23 *fellowship* berjaya menamatkan pengajian Doktor Falsafah (PhD) dalam tempoh empat tahun ke atas, manakala 84 staf dan 53 *fellowship* menamatkan PhD dalam tempoh kurang daripada empat tahun sehingga 31 Disember 2016, seperti rajah di bawah.

Statistik Staf atau *Fellowship* Menamatkan Pengajian Doktor Falsafah Sehingga 31 Disember 2016




LAPORAN TAHUNAN 2016

Destiny by Design


Seramai 129 staf atau *fellowship* tamat Doktor Falsafah (PhD) dalam tempoh empat tahun ke atas, dan 137 staf atau *fellowship* tamat PhD dalam tempoh empat tahun ke bawah dari tempoh asal (*Graduate on Time (GOT)*) sehingga 31 Disember 2016, seperti rajah di bawah.

Statistik Staf atau *Fellowship* Tamat PhD Dalam Tempoh Asal Atau Lebih Awal Dari Tempoh Asal [*Graduate on Time (GOT)*] Sehingga 31 Disember 2016




Perincian mengikut negara seperti rajah di bawah:

Statistik Staf atau *Fellowship* Tamat PhD Dalam Tempoh Asal Atau Lebih Awal Dari Tempoh Asal [*Graduate on Time (GOT)*] Berdasarkan Negara Sehingga 31 Disember 2016




Seramai 35 orang staf dan *fellowship* UMP atau berjaya *Graduate on Time* (GOT) berdasarkan jumlah tamat Doktor Falsafah (PhD), 102 orang staf dan *fellowship* UMP tamat PhD empat tahun ke bawah (selain GOT), 127 orang staf dan *fellowship* UMP tamat PhD empat tahun ke bawah (selain GOT) sehingga 31 Disember 2016, seperti rajah di bawah.

Statistik Staf/Felo Tamat PhD Dalam Tempoh Asal Atau Lebih Awal Dari Tempoh Asal [*Graduate on Time* (GOT)] Berdasarkan Jumlah Tamat PHD Sehingga 31 Disember 2016



Perincian mengikut negara seperti rajah di bawah:

Statistik Staf/Felo Tamat PhD Dalam Tempoh Asal Atau Lebih Awal Dari Tempoh Asal [*Graduate on Time* (GOT)] Berdasarkan Negara Sehingga 31 Disember 2016



BILANGAN PERATUSAN KEAHLIAN BADAN PROFESIONAL DI SETIAP FAKULTI/PTJ




Seramai 335 orang staf akademik yang mempunyai keahlian badan profesional di peringkat antarabangsa dan kebangsaan.

Fakulti Kejuruteraan Awam & Sumber Alam (FKASA) 59%	Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli (FKKSA) 66%	Fakulti Kejuruteraan Elektrik & Elektronik (FKEE) 69%	Fakulti Sistem Komputer & Kejuruteraan Perisian (FSKKP) 47%	Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM) 40%
Fakulti Sains & Teknologi Industri (FSTI) 26%	Fakulti Kejuruteraan Pembuatan (FKP) 40%	Fakulti Teknologi Kejuruteraan (FTeK) 57%	Fakulti Pengurusan Industri (FPI) 30%	Pusat Bahasa Moden & Sains Kemanusiaan (PBMSK) 8%

KEAHLIAN PROFESIONAL

Pada tahun 2016, peningkatan sebanyak 15% bagi keahlian profesional dari tahun 2015.



Rajah di bawah menunjukkan statistik penempatan industri staf akademik sehingga 31 Disember 2016:

Statistik Penempatan Industri Staf Akademik Sehingga 31 Disember 2016

